



MAJLIS PELANCARAN LOGO MKAA DAN MODUL KESEDARAN ASAS KESELAMATAN DI AIR SEMPERNA MESYUARAT MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MKAA)



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan logo Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dan Modul Kesedaran Asas Keselamatan di Air bersempena dengan Mesyuarat Majlis Keselamatan Aktiviti Air bilangan 1/2019 pada 22 Mac 2019.

Pelancaran logo MKAA merupakan satu inisiatif untuk memberi kesedaran awam berhubung penubuhan dan peranan Majlis ini dalam menyampaikan mesej kesedaran dan kepentingan keselamatan di air. Modul Kesedaran Asas Keselamatan Air pula merupakan inisiatif untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berhubung dengan keselamatan ketika menjalankan aktiviti di air. Modul ini terbahagi kepada dua iaitu :-

- Modul 1** : Modul yang dijalankan secara teori berhubung asas panduan dan langkah keselamatan di air. Ia dijalankan di setiap sekolah masing masing
- Modul 2** : Modul lanjutan dari modul teori. Pendedahan secara praktikal mengenai asas Keselamatan di air. Ia dijalankan di kawasan yang mempunyai kolam.

Pada peringkat permulaan, modul ini akan dilaksanakan di semua sekolah-sekolah di Putrajaya secara berperingkat melalui kerjasama strategik antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Perbadanan Putrajaya (PPj). Modul ini akan dikembangkan ke negeri-negeri lain pada masa akan datang.

Bagi tujuan mengenal pasti mekanisma pelaksanaan program ini, dua buah sekolah iaitu SMKA Presint 11 dan SK Presint 11(3) telah dipilih sebagai sekolah rintis dan Kompleks Kejiranan Presint 11 akan dijadikan tempat untuk latihan praktikal. Modul ini akan dilaksanakan dengan bantuan dan bimbingan Anggota Pasukan Penyelamat di Air (PPDA), JBPM. Semua pelajar yang telah lengkap menjalani kedua-dua modul akan diberikan penilaian dalam kokurikulum sekolah dan diberikan sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Selain daripada itu, MKAA telah bersetuju agar tindakan *quick wins* dilaksanakan dengan segera sebagai satu langkah untuk menangani isu kelemasan di badan air dalam masa terdekat. Antara langkah pendekatan *quick wins* yang dipersetujui adalah seperti:

- Membuat hebahan umum berhubung semua kawasan/lokasi **Berisiko Tinggi** dengan segera supaya langkah berwaspada boleh diambil ketika berada di lokasi badan air/rekreasi.
- Menguatkuasakan penggunaan Papan Tanda di kawasan berisiko tinggi sebagai Panduan Keselamatan di lokasi Badan Air/Rekreasi. Tindakan segera bagi menggantikan papan tanda keselamatan yang sudah uzur juga akan diambil tindakan oleh pihak PBT dan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab di kawasan/lokasi tersebut.
- Pihak PBT juga perlu memastikan kawalan keselamatan perlu dilakukan di kawasan badan air/rekreasi berisiko tinggi termasuk di kawasan empangan yang mempunyai *low head dam*.

Berdasarkan data JBPM (tidak melibatkan PDRM, Polis Marin, APM, APMM dan sebagainya) untuk kejadian insiden mati lemas di badan air/rekreasi adalah sebanyak **260 kes bagi tahun 2016, 327 kes bagi tahun 2017 dan 309 kes bagi tahun 2018.**

Bagi tahun 2018, 182 insiden telah dilaporkan berlaku di kawasan sungai/tali air, 58 insiden di kawasan pantai, 39 insiden telah berlaku di kawasan tasik/lombong dan 27 insiden di kawasan air terjun.

Kementerian ini melalui JBPM turut mengenal pasti sebanyak **15 Kawasan/Lokasi 'hotspots'** yang telah dikategorikan sebagai **KAWASAN BERISIKO TINGGI** berdasarkan data kejadian insiden mati lemas (2016-2018) yang melebihi dari 5 mangsa. Kawasan 'hotspots' yang tersebut adalah :

- **Sungai**

1. Sungai Kg. Batu Payung, Tawau, Sabah
2. Sungai SKC Kg. Timah, Sungai Tinggi, Selangor
3. Sungai Kg. Sabak, Pengkalan Chepa, Kelantan
4. Sungai Chiling, Kuala Kubu Bharu, Selangor
5. Sungai Gasi, Sungai Buloh, Selangor

- **Air Terjun**

6. Air Terjun Sungai Sendat, Ulu Yam, Selangor
7. Air Terjun Lata Berembun, Raub, Pahang
8. Air Terjun Chamang, Bentong, Pahang
9. Air Terjun Sekayu, Terengganu

- **Pantai**

10. Pantai Nipah, Bachok, Kelantan
11. Muara Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan
12. Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Pulau Pinang

- **Tasik / Lombong / Empangan**

13. Empangan Semenyih, Semenyih, Selangor
14. Jambatan Stesen KTM Sungai Buloh, Selangor
15. Empangan Taman Putra Perdana, Puchong

Oleh yang demikian, KPKT telah mengarahkan JBPM untuk mengawasi kawasan yang telah dikategorikan sebagai **Kawasan Berisiko Tinggi** bagi tujuan kawalan keselamatan terutamanya pada musim cuti persekolahan di mana didapati kes mati lemas kerap berlaku.

Selain itu, orang ramai terutama ibu bapa dimohon untuk mengawasi pergerakan anak-anak mereka ke tempat rekreasi/badan air dan patuh kepada papan tanda **Amaran Bahaya** dan **Arahan Tips/Panduan Keselamatan Air** di lokasi/kawasan badan air berisiko tinggi.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat